



**KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI
JABATAN STANDARD MALAYSIA**

UCAPAN

DATUK IR. AHMAD FAUZI BIN HASAN

PENGERUSI MSDAM

**BERSEMPENA SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN 2022 DAN ULANG
TAHUN KE-26 JSM**

26 OGOS 2022

DEWAN MENARA CYBER AXIS

Terima kasih saya ucapkan kepada saudari Pengerusi Majlis.

Bismillahirrahmanirrahim.

Yang Brs En Shahrul Sadri Alwi, Ketua Pengarah Jab. Standard Malaysia (atau singkatannya JSM),

Datuk Izani Wan Ishak, Pengarah Bahagian Pemeriksaan dan Perundingan, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)

En Hussalmizzar Hussain, Pengarah Kanan Standardisasi JSM,

Pn Nor Latifah Hussin, Pengarah Bahagian Perancangan Strategik JSM,

En Wan Rukiman Wat Mamat, Pengarah Bahagian Akreditasi JSM,

Warga kerja JSM yang saya hormati sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera,

Pertama sekali, saya ingin merakamkan setinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Tuan Ketua Pengarah serta tuan-tuan dan puan-puan warga kerja JSM sekalian kerana telah menjemput saya untuk hadir di majlis pada pagi ini.

Selaku Pengerusi Majlis Standardisasi dan Akreditasi Malaysia atau singkatannya MSDAM, saya amat berbesar hati kerana pada hari ini saya berpeluang untuk mengenali warga kerja JSM dengan lebih dekat.

Saya berharap majlis ini juga akan mengukuhkan lagi semangat berpasukan dan kekeluargaan di antara kita, bersempena sambutan Ulang tahun ke-26 penubuhan JSM serta sambutan Hari Kebangsaan pada tahun ini yang bertemakan “Keluarga Malaysia Teguh Bersama”. Tahniah kepada semua!

Sehubungan itu, memandangkan ini adalah kali pertama saya bertemu dengan kebanyakan tuan-tuan dan puan-puan, izinkan saya memberi sedikit latar belakang mengenai diri saya. Saya berkecualan sebagai Jurutera Mekanikal Profesional, dan mempunyai pengalaman berkhidmat dalam sektor awam mulai tahun 1978 di beberapa Jabatan dan Agensi kerajaan.

Antara lain, saya pernah berkhidmat sebagai Ketua Pegawai Eksekutif dan juga Pengerusi di Suruhanjaya Tenaga, serta sebagai Pengerusi Lembaga Pelesenan Tenaga Atom. Kini, selain mempengerusikan MSDAM, saya juga adalah Anggota Pihak Berkuasa Tenaga Lestari (SEDA) Malaysia.

Saya berpengalaman agak luas dalam bidang kawal selia dan promosi untuk memastikan keselamatan dan kesihatan di sektor industri serta untuk memastikan industri pembekalan tenaga beroperasi dan membangun dengan teratur, berdaya maju dan mampan. Saya juga pernah turut aktif dalam jawatankuasa-jawatankuasa standardisasi dan aktiviti pemantauan pasaran yang melibatkan SIRIM dan JSM semenjak tahun lapan puluhan lagi.

Saya bersyukur kerana diberi kesempatan untuk terus menyumbang melalui MSDAM seperti yang diperuntukkan Akta Standard Malaysia 1996, iaitu untuk menasihati Menteri dan meluluskan kriteria berkaitan dengan aktiviti standardisasi dan akreditasi kebangsaan bersama-sama tuan-tuan dan puan-puan warga kerja JSM.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Penubuhan JSM pada 26 tahun yang lalu sememangnya telah berjaya menghasilkan pencapaian yang signifikan dalam pembangunan aktiviti standardisasi dan akreditasi di negara kita. Pandangan saya ini, antara lain, adalah berasaskan hasil suatu kajian JSM tidak lama dulu yang menunjukkan bahawa penggunaan standard telah menyumbang dengan ketara kepada pertumbuhan tiga sektor utama ekonomi negara bagi tempoh 2001 hingga 2013.

Semenjak penubuhannya, saya berpandangan bahawa JSM telah berjaya melaksanakan dengan berkesan program-program promosi, pembangunan kapasiti dan kolaborasi pintar yang melibatkan pelbagai saluran media dan kumpulan stakeholders, termasuk di sektor pendidikan, dalam usaha untuk memupuk budaya kualiti di kalangan penggiat industri dan rakyat negara ini.

Dalam usaha membantu industri mematuhi standard, saya difahamkan bahawa inisiatif *Standards Compliance Stewardship Programme for Enterprises* (ESCAPE) telah mendapat sambutan memberangsangkan daripada sektor-sektor industri yang telah mendapat bimbingan pensijilan semenjak *ESCAPE* dilancarkan pada 2020. Saya berharap agar program yang inovatif ini dapat diperkembangkan ke lebih banyak lagi sektor, terutamanya firma-firma industri kecil dan sederhana, untuk membantu memperluaskan lagi pasaran produk dan perkhidmatan mereka.

Dalam era digitalisasi global ini, alhamdulillah JSM juga telah melaksanakan sistem “MySQL” yang membolehkan pencarian dan pembelian secara atas talian dokumen-dokumen Malaysian Standard dan juga standard-standard antarabangsa yang diperlukan industri dan pengguna. Saya difahamkan penjualan Malaysia Standard melalui MySQL telah mendapat sambutan baik dan sehingga kini berjumlah 300 ribu ringgit.

Dalam bidang akreditasi, saya difahamkan bahawa JSM telah melancarkan tiga skim baharu akreditasi iaitu *Animal Feed Additive and preMixture System (FAMI-QS)*, *Information Security Management System (ISMS)* dan *Automotive Certification Scheme (ACS)*. Ini bertujuan untuk meningkatkan lagi tahap kualiti dan keselamatan dalam sistem pengurusan di sektor-sektor industri utama negara khususnya industri pemakanan, teknologi maklumat dan automotif.

Dari aspek pengukuhan sistem integriti dan tadbir urus JSM, sukacita saya ingin mengucapkan syabas atas kejayaan JSM membangunkan dokumen Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) 2022-2026 bersama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia yang akan dilancarkan di majlis ini. Saya mengucap setinggi penghargaan dan terima kasih kepada Datuk Pengarah SPRM kerana sudi bersama kita pada hari ini.

Pelan Antirasuah ini sememangnya adalah amat penting dalam usaha berterusan kita untuk menghayati dan mengamalkan nilai-nilai murni D.R.I.V.E (iaitu Dynamic, Resilient, Integrity, Visionary, Empowered). InsyaAllah, pelaksanaan Pelan Antirasuah ini dengan sempurna akan meningkatkan jati diri kita semua supaya terus bebas dari rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa dalam melaksanakan misi JSM ke arah pencapaian visi “Diterima Rakyat, Diiktiraf Dunia”.

Berasaskan inisiatif-inisiatif tersebut, tidak hairanlah baru-baru ini, JSM telah menerima Anugerah Pengawal Selia Aktif *Unified Public Consultation* anjuran Malaysia Productivity Corporation (MPC) berdasarkan komitmen JSM dalam pelaksanaan *Good Regulatory Practice* pada tahun 2020 sehingga kini.

JSM juga turut diberi penghargaan oleh *The World Brands Foundation* bagi kategori *The BrandLaureate World Halal BestBrands Award 2022*, *Strategic Business Alliance* bagi sumbangan JSM di dalam memperkasakan industri halal.

Saya difahamkan bahawa baru-baru ini JSM juga telah dianugerahkan Pensijilan “Ekosistem Kondusif Sektor Awam, Do-it-yourself” kategori Cemerlang oleh Unit Pemodenan Tadbiran Dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Jabatan Perdana Menteri.

Di peringkat antarabangsa, JSM juga telah terus bergiat aktif dalam jawatankuasa-jawatankuasa APEC dan ASEAN. Beberapa wakil JSM juga baru-baru ini telah dilantik oleh badan-badan standardisasi antarabangsa seperti ISO dan SMIC untuk menyumbang kepakaran Malaysia dalam pembangunan standard-standard antarabangsa.

Ucapan syabas dan tahniah daripada saya dan ahli-ahli MSDAM kepada tuan-tuan dan puan-puan semua. Semoga usaha tuan-tuan dan puan-puan semua akan dapat diteruskan dan ditingkatkan lagi ke arah menjadikan JSM sebuah badan standardisasi dan akreditasi kebangsaan yang bertaraf dunia.

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian,

Pelaksanaan suatu sistem standardisasi dan akreditasi kebangsaan yang teratur, progresif dan responsif kepada keperluan semasa serta cabaran masa depan adalah merupakan faktor kritikal dalam menentukan keberterusan pertumbuhan ekonomi negara serta kualiti hidup rakyat.

Untuk itu, bagi sebuah badan yang berperanan utama dalam menetapkan standard kualiti produk, perkhidmatan dan proses pengeluaran di negara ini, semestinyalah JSM dilihat oleh *stakeholders* untuk menjadi contoh atau model selaras dengan prinsip “Kepimpinan Melalui Teladan”.

Dalam hubungan ini, saya berpandangan bahawa masih terdapat beberapa aspek yang boleh ditambah baik lagi. Antaranya termasuklah meningkatkan kualiti maklumat dan keupayaan transaksi yang disediakan di portal JSM, ketepatan masa pemprosesan dan tindakan susulan berasaskan piagam pelanggan, serta menerbitkan buletin berkala untuk menghebahkan perkembangan terkini industri standardisasi dan akreditasi di dalam dan luar negara.

Saya juga berpandangan bahawa JSM boleh mengukuhkan lagi kerangka kerja pembangunan standard negara dengan cara memanfaatkan keupayaan organisasi-organisasi profesional yang berwibawa di negara kita sebagai Agensi Pembangunan Standard sepertimana yang diperuntukkan Akta Standard Malaysia.

Selaras dengan itu juga, saya berharap kajian mengenai Kualiti Infrastruktur Kebangsaan (*National Quality Infrastructure*) yang sedang dijalankan JSM dapat mengenal pasti kekuatan serta apa-apa jurang, kekurangan dan syor penambahbaikan dalam infrastruktur kualiti sedia ada sebagai asas *roadmap* untuk kita untuk terus membangun dengan lancar pada masa depan.

Untuk ini, saya berterima kasih kerana JSM telah membangunkan Pelan Strategik 2022-2025. Saya ingin mengesyorkan supaya keutamaan-keutamaan dan sasaran-sasaran utama di dalam Pelan Tindakan Strategik tersebut ditambah baik sewajarnya berdasarkan penemuan dan syor kajian Kualiti Infrastruktur Kebangsaan nanti.

Akhir kata, saya mengucapkan tahniah sekali lagi kepada semua warga kerja JSM atas perkhidmatan penuh dedikasi selama ini. Insyaallah, saya yakin pencapaian tuan-tuan dan puan-puan akan terus meningkatkan pada masa akan datang.

Sememangnya, bekerja dengan ikhlas, amanah, cekap, berhemah dan berdisiplin dalam satu keluarga JSM untuk menyumbang kepada pencapaian matlamat penubuhan JSM adalah merupakan suatu ibadah.

Sentiasalah kita berdoa, berusaha, beristiqamah dan bertawakal dalam memberi perkhidmatan terbaik berlandaskan keutamaan untuk menjadikan JSM sebuah badan standardisasi dan akreditasi kebangsaan berwibawa yang “Diterima Rakyat dan Diiktiraf Dunia”.

Terima kasih sekali lagi kepada Tuan Ketua Pengarah dan warga kerja JSM semua. Selamat Menyambut Hari Kebangsaan 2022, Selamat Menyambut Ulang Tahun ke-26 JSM dan Selamat Maju Jaya!

Ada Standard Untung! Sekian, terima kasih. Wabillahitaufik wassalamualaikum warahtullahi wabaratu